



Dr Mahathir dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bergambar bersama warga FELDA pada Sambutan Hari Peneroka FELDA Kebangsaan 2019 di Padang Awam, FELDA Selancar 3, Rompin, semalam.

Gabung, urus tanah secara efisien

Langkah jana hasil baharu, tanam tumbuhan lain: Dr Mahathir

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi
 bhnews@bh.com.my

Rompin: Kerajaan merancang mencantumkan tanah peneroka FELDA di seluruh negara menjadi ladang besar yang diurus secara efisien dan profesional oleh pengurusan estet terlatih bagi menjana hasil lumayan kepada peneroka.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata bagi tujuan itu, kerajaan akan menyusun semula pentadbiran dan pengurusan ladang milik FELDA di seluruh negara untuk menghasilkan sumber pendapatan baharu, sekali gus tidak terlahu bergantung kepada hasil getah dan kelapa sawit.

Katanya, pengurusan ladang sedemikian dijamin estet besar milik orang asing sejak pentadbiran British, yang membolehkan pemilik ladang kekal memperoleh untung walaupun marginnya kecil akibat kejatuhan harga komoditi dan tanaman yang ditanam.

"Apabila kita bergantung ke-

pada hanya satu jenis tumbuhan, bila jatuh (harga), kita akan menderita, waktu itu kita akan perlukan subsidi.

"Sekarang, kerajaan tidak beri pun subsidi kepada ladang besar (swasta), tetapi kalau harga jatuh pun, mereka tidak terlahu rugi sebab mereka miliki ladang besar," katanya ketika berucap pada Sambutan Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2019 di FELDA Selancar 3, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, selain mencantumkan ladang FELDA menjadi estet besar, kerajaan bercadang menanam tumbuhan lain yang boleh memberi pulangan seperti ladang nanas di Pahang yang mempunyai keluasan 80 hingga 120 hektar.

"Sekarang ini, ada pula yang tanam durian yang begitu diminati orang di China. Di Perlis, Kedah, ada tanaman mangga yang juga boleh memberi pulangan kepada petani. Ada lain-lain jenis tumbuhan buah-buahan yang boleh beri pendapatan kepada kita setiap hari.

"Bahkan pokok bunga pun kita boleh jual," katanya sambil menambah, setiap tahun kerajaan perlu mengimport banyak sayur-sayuran dan tumbuh-tumbuhan dengan nilai keseluruhan kira-kira RM60 bilion bagi keperluan negara.

Katanya, ia jelas satu kerugian kerana sayur-sayuran serta buah-buahan boleh ditanam di Malaysia dan jika harga getah atau sawit jatuh, peneroka masih boleh memperoleh pendapatan daripada nanas, durian, mangga dan lain-lain tumbuhan.

"Katakanlah 10 peratus tanah yang dicantumkan ini (estet besar)



memberi pendapatan tinggi kepada peneroka berikutan pengurusan yang berbeza dengan cara pengurusan estet besar.

Pada sidang media kemudian, Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan akan berbincang dengan peneroka untuk memberi kafahaman mengenai inisiatif dan cadangan mencantumkan tanah mereka bagi aktiviti pertanian baharu selain getah dan kelapa sawit.

Mengakui cadangan itu memerlukan masa untuk dilaksana kerana ramai peneroka sudah berusia dan sudah terbiasa dengan dua jenis tanaman tradisional terbahut, beliau berkata, penanaman tanah akan hanya membabitkan mereka yang bersejati dan mahu memperluas hasil tani serta pendapatan.

"Kalau pemilik tanah (peneroka) mahu satukan tanah dan diurus pakar, saya yakin kita akan dapat lebih hasil yang boleh dibagikan kemudiannya kepada kita (tanah) yang mereka beli. Kita akan cari mana mana tempat (tanah) yang mereka sendiri se-
 tuju.

"Tidak kira berapa keluasan, bermula dari 1,000 ekar (400 hektar) dan ia akan diurus oleh profesional, ini ideanya. Dalam satu kawasan dicantumkan, mungkin keluasannya 1,000 ekar atau 2,000 ekar (800 hektar), mungkin kita ambil 200 ekar (80 hektar) untuk tanam yang lain," katanya.

Mengenal tanaman yang sesuai untuk model baharu FELDA, Dr Mahathir berkata, pengurusan agensi pembangunan rancangan tanah itu akan berbincang serta mendapatkan nasihat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ibadat & Fajilat					
Doripada Al-Banna 'Azib, berkata Nabi Muhammad SAW bersabda: "Nabi Muhammad adalah seorang yang sederhana ringginya. Beliau kelihatan segar dan tampan apabila memakai pakaian yang berwarna merah." (HR Bukhari & Muslim)					
KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISTIAK
Kangar	5:46	1:26	4:51	7:39	8:55
Alor Setar	5:46	1:26	4:51	7:39	8:55
P. Pinang	5:48	1:26	4:51	7:37	8:53
Ipoh	5:47	1:24	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:47	1:21	4:46	7:30	8:45
Shah Alam	5:47	1:21	4:46	7:30	8:45
Johor Bahru	5:41	1:12	4:37	7:18	8:33
Kuantan	5:41	1:15	4:41	7:23	8:38
Seremban	5:46	1:19	4:44	7:26	8:41
Bandar Melaka	5:46	1:18	4:43	7:25	8:40
Kota Bharu	5:44	1:19	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:37	1:15	4:40	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:44	12:23	3:48	6:35	7:51
Kuching	5:16	12:48	4:12	6:53	8:08